



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 24 Tahun 2019

**TAWARAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT
STAF PENTADBIRAN BAGI KUMPULAN PELAKSANA DI UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA TAHUN 2019**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk mempelawa staf pentadbiran Kumpulan Pelaksana Universiti Teknologi MARA yang sedang berkhidmat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan untuk memohon jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan.

LATAR BELAKANG

2. Setiap skim perkhidmatan ada menyatakan dengan jelas syarat-syarat kenaikan pangkat. Seseorang staf yang ingin memohon jawatan kenaikan pangkat seperti yang diiklankan perlulah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

- i. Disahkan ke dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 80% untuk tiga (3) tahun kebelakang;
- iii. Diperaku oleh Ketua Perkhidmatan/Jabatan;
- iv. Bebas dari hukuman tatatertib/jenayah;
- v. Telah menandatangani Surat Aku Janji;
- vi. Telah mengisytiharkan harta (termasuk setiap lima (5) tahun); dan
- vii. Telah memenuhi empat puluh dua (42) jam latihan untuk tempoh satu (1) tahun ke belakang.

3. Jawatan-jawatan kenaikan pangkat yang ditawarkan adalah seperti dalam Lampiran 1.

PELAKSANAAN

4. Tatacara permohonan adalah seperti yang berikut:
- i. Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui sistem e-Kenaikan Pangkat dengan melayari laman web UiTM di <http://www.uitm.edu.my> dan seterusnya mendaftar (Login ID) di Portal i-Staf.
 - ii. Permohonan yang tidak lengkap dianggap tidak memenuhi syarat dan akan ditolak serta merta.
 - iii. Sekiranya didapati pemohon memberikan maklumat yang tidak benar, kenaikan pangkat akan ditarik balik dan pemohon boleh dikenakan tindakan tatatertib.
 - iv. Hanya pemohon yang telah disenarai pilih akan dipanggil untuk sesi temu duga dan pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan dianggap tidak berjaya. Keputusan penyenaian pilih adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - v. Penempatan bagi calon berjaya adalah tertakluk kepada Surat Kelulusan Perjawatan dan juga keputusan pihak pengurusan universiti. Pihak pengurusan universiti berhak menentukan penempatan bagi calon berjaya/simpanan mengikut keperluan, di mana ianya adalah muktamad tanpa melibatkan sebarang bentuk rayuan daripada mana-mana pihak berkepentingan.
 - vi. Tarikh tutup permohonan adalah pada 02 Julai 2019.
(Permohonan yang diterima selepas tarikh ini tidak akan diproses)

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling dikeluarkan pada 17 Jun 2019.

TARIKH KUATKUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 17 Jun 2019.



AZIDA AZMI
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan
Semua Rektor Cawangan Negeri

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil. 23/2019)

Kumpulan Pelaksana I

Bil	Jawatan	Gred	Penempatan	Jumlah Kekosongan	Kategori Staf Yang Layak Memohon
1.	Penolong Pensyarah	DM40	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	1	UiTM Seluruh Sistem

1. i. Jawatan : Penolong Pensyarah

ii. Gred Jawatan : DM40

iii. Kekosongan : 1

iv. Syarat Kelayakan :

Penolong Pensyarah Gred DM34 adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pensyarah Gred DM40 yang kosong apabila telah :

- a. disahkan dalam perkhidmatan;
- b. mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
- c. diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

v. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) : Gred Gaji DM40

Minimum	Maksimum	Kadar KGT
RM4,992.00	RM8,978.00	RM225.00